

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Tambahan

Sidang 1986/87

BOI 140/3 Zoologi Invertebarata

Tarikh: 26 Jun 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.
(3 Jam)

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

...2/-

1. Bincangkan tentang kepentingan haiwan Protozoa dalam alam semulajadi.

(20 markah)

2. (a) Huraikan secara ringkas corak perkembangan embrio haiwan metazoa.

(b) Apakah jenis-jenis telur yang boleh didapati pada haiwan Metazoa? Huraikan jenis telur ini dan jenis sigaran yang dijumpai pada setiap jenis telur.

(20 markah)

3. Tuliskan nota-nota tentang TIGA daripada yang berikut:-
 - (a) Sistem saluran air pada spong (bunga karang, haiwan Porifera).
 - (b) Jenis dan tugas sel-sel dalam jasad haiwan Porifera.
 - (c) Nematosista dalam haiwan Ccelenterata.

(BOI 140/3)

(d) Polimorfisme dalam haiwan Coelenterata.

(e) Ruang selom pada cacing tanah.

(20 markah)

4. Huraikan struktur dan tugas sistem perkumuhan dalam DUA daripada kumpulan-kumpulan haiwan berikut:-

(a) Cacing pipih (Kelas Tubellaria).

(b) Cacing Nematoda.

(c) Cacing tanah.

(20 markah)

5. Bincangkan tentang kejayaan haiwan Arthropoda dalam alam semulajadi.

(20 markah)

6. Tuliskan nota-nota tentang TIGA daripada yang berikut:-

(a) Kawalan hormon pada metamorfosis lengkap serangga.

(b) Kaki dan radula pada haiwan Mollusca.

(BOI 140/3)

- (c) Sistem pemakanan (feeding) dan penghadaman dalam haiwan Pelecypoda (Bivalvia).
- (d) Sistem saluran air pada haiwan Echinodermata.
- (e) Sistem pemakanan (feeding) dan penghadaman dalam haiwan Asteroidea (Bintang laut).

(20 markah)

-ooo000ooo-